




Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung dalam segmen Bicara Pakar yang bertajuk Society 5.0 and Concrete Technology pada 21 September 2021. Program ini dikendalikan oleh Ts. Dr. Warid Waizen Ahmad Zailani, Structural and Materials Engineering (STRUCM) Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam sebagai Moderator bersama panel jemputan Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Fadzil bin Arshad, Ketua Kesejahteraan & Kebajikan Pelajar, Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM.

Program ini dimulakan dengan pengenalan ringkas tentang panel jemputan yang telah berkhidmat dengan UiTM selama 21 tahun dan sebelum ini beliau pernah melakukan beberapa kerja luar dalam bidang kejuruteraan sejeurus selepas tamat pengajian. Seterusnya, beliau berkongsi tentang apa itu Society 5.0 yang mana ia merupakan sebuah tingkat inovasi yang dicetuskan oleh Jepun untuk menggambarkan generasi 5.0 'trend' masyarakat. Berdasarkan kronologi, ia bermula daripada masyarakat pemburuan (Society 1.0), masyarakat pertanian (Society 2.0), masyarakat industri (Society 3.0), masyarakat informasi (Society 4.0.) dan akhir sekali masyarakat yang mencipta layanan, nilai-nilai dan cara baharu dalam kehidupan 'Super Smart Society' (Society 5.0). Antara contoh kehidupan dalam Society 5.0 ialah penghantaran makanan yang dipesan secara atas talian seperti perkhidmatan GrabFood dan Foodpanda serta penghantaran barangan juga secara atas talian seperti Shopee, Lazada, Amazon dan sebagainya.

Di samping itu, Prof. Mohd Fadzil berkongsi tentang Concrete Technology yang berkait rapat dengan tingkat Society 1.0 hingga Society 5.0. Pada awalnya, Prof. memperkenalkan konkrit secara ringkas yang bermaksud campuran 3 bahan komposit iaitu campuran simen, pasir dan batu serta dengan sokongan kayu, besi dan konkrit yang dapat membina satu binaan yang kukuh. Antara contoh inovasi binaan bangunan yang boleh digambarkan ialah bermula dari kehidupan masyarakat di dalam gua, seterusnya binaan piramid, binaan bangunan menggunakan batuan kapur dan tanah merah dan kini binaan bangunan konkrit seperti lebuh raya stadium dan bangunan pencakar langit.

Semoga dengan perkongsian kali ini dapat memberi manfaat kepada kita semua terutamanya kepada kakitangan UiTM dalam inovasi Society 5.0 ini.